

Berita ringkas

■ KUANTAN

Sinar (Sukan)

Selasa 5/10/10 mlj 24

Laman web bola keranjang (UMP)

Peminat bola keranjang di negeri ini yang tidak sempat menyaksikan perlawanan sukan itu boleh melayari laman web Karnival bola keranjang 3 On 3 Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Pendaftar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mustafa Ibrahim berkata, laman web itu dibuka sempena karnival itu dan semua maklumat berkaitan boleh diperolehi dengan segera.

Katanya, sebanyak 94 pasukan dari IPT seluruh negara akan menyertai karnival itu yang bermula 8 Oktober depan itu.

"Hadiah yang ditawarkan juga lumayan iaitu sebanyak RM10,000 bersama piala iringan. Ia bertujuan mencungkil bakat mereka dalam bidang sukan," katanya.

Mustafa berkata, beberapa kolej dan IPT telah mengesahkan penyertaan dan beliau percaya masih ada yang berminat untuk menyertai perlawanan yang julung kali diadakan di universiti itu.